

Dadah 'meletup'

Metro 13/6/12 MS 6.

Bomba datang padam api terkejut jumpa Ecstasy dan syabu bernilai RM10 juta

>>Oleh Salman Hamat

salman@hmetro.com.my

PONTIAN: Sebuah kilang yang dijadikan makmal dadah di Jalan Perindustrian 12, Kawasan Perindustrian Pekan Nenas, dekat sini, meletup serta terbakar kelmarin sebelum pemeriksaan menemui pil Ecstasy dan syabu dianggarkan bernilai RM10 juta.

Dalam kejadian kira-kira jam 1.30 tengah hari itu, dua letupan kuat menggegarkan bangunan berkenaan dan kilang berhampiran hingga memaksa pekerja di premis bersebelahan bertempiran menyelamatkan diri.

Akibat letupan kuat itu, bumbung makmal dadah berkenaan rosak, bahagian belakang premis itu hangus terbakar, manakala kepulan asap memenuhi ruang udara kawasan berkenaan.

Penemuan dadah itu bermula selepas anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Pekan Nenas dan Pontian yang menjalankan kerja memadam api menemui bahan pelik disyaki dadah sebelum melaporkannya kepada polis.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Mokhtar Mohd Shariff berkata, sepasukan anggota dan pegawai Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pontian bergegas ke lokasi sejurus dimaklumkan untuk pemeriksaan lanjut.

Menurut beliau, hasil pemeriksaan, pihaknya menemui dadah di ruang pejabat di tingkat atas bangunan kilang itu dan ia dipercayai sudah siap untuk dipasarkan kepada pelanggan.

"Selain dadah, hasil pemeriksaan menemui pelbagai peralatan digunakan untuk



FOTO | Zulkarnain Ahmad Tajuddin dan Mohamad Shahril Badri Saali

Sangka kilang perabot

PEKAN NENAS: Rahsia kehadiran sekumpulan individu yang menaiki kenderaan mewah dan kerap dilihat memasuki sebuah kilang makanan sejuk beku di Jalan Perindustrian 12, Kawasan Perindustrian Pekan Nenas, di sini, sejak lebih enam bulan lalu membongkar kegiatan disyaki makmal dadah selepas premis itu meletup sebelum terbakar, tengah hari kelmarin.

Operasi di kilang itu menimbulkan tanda tanya di kalangan orang ramai kerana ia kelihatan sunyi berbanding kilang lain.

Saksi kejadian yang enggan dikenali berkata, dia menyangka kilang perabot, namun mula berasa ada yang tidak kena berikutan tidak pernah melihat aktiviti memunggah barang di situ.

Katanya, premis terbabit dikawal anjing setinggi paras pinggang bagi mengelak kilang berkenaan diceroboh.

SIASAT...anggota polis memasuki kawasan kilang untuk membuat pemeriksaan.

MISTERI...sebuah kereta di luar premis kilang turut disiasat.

memproses bahan terlarang itu. Siasatan awal mendapati premis terbabit beroperasi sebagai kilang makanan sejuk beku, bagaimanapun, kami yakin ia digunakan untuk memproses dadah dalam kuantiti besar.

"Hasil risikan dan maklu-

mat awal, kami sudah mengenali pasti dalang yang terbabit dengan kegiatan itu dan usaha mengesan mereka sedang dijalankan," katanya di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, semalam.

Menurut Mohd Mokhtar, pihaknya masih menyiasat

sama ada kilang dadah berkenaan milik sindiket antarabangsa atau tempatan dan pihaknya juga masih menganalisis sejumlah dadah diperolehi di kilang itu untuk ujian lanjut.

Kawasan sekitar premis berkenaan turut ditutup ke-

pada orang awam memardangkan pihak berkuasa bimbang dadah berkenaan meruap akibat terbakar seterusnya memudaratkan orang ramai yang menyedut udara di situ kerana ia bercampur dengan pelbagai bahan kimia.